



## Usahawan spa bergerak maju atas bantuan Perangsang Selangor

25 Jun 2018

SHAH ALAM, 25 Jun (Bernama) -- Bermula dengan gelaran tukang urut kampung, kini Saodah Delan mengorak langkah sebagai perunding dan tenaga pengajar dalam bidang perkhidmatan spa bergerak di Selangor.

Ini dicapai menerusi bantuan serta peluang yang diberikan **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad.**

Menurut usahawan berusia 61 tahun itu, beliau mula menceburi bidang urutan Melayu sejak 2002 dan kemudian aktif menawarkan perkhidmatan spa bergerak di sekitar Lembah Klang hampir lima tahun lepas.

Beliau berjinak-jinak sebagai tukang urut pada 2002 apabila tergerak hati untuk mencari sumber kewangan dan rezeki buat empat anaknya selepas kematian suami pada 1996.

Peluang menjadi peserta program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) di bawah seliaan penyedia latihan Tini Beauty Salon & Spa (Tini Spa) dan tajaan penuh Perangsang Selangor dimanfaatkan sebaik mungkin dan akhirnya membuka ruang rezeki lebih luas, katanya kepada Bernama.

Saodah berkata menerusi program itu, beliau bukan sahaja ditaja dari segi kelengkapan dan peralatan spa malah turut diberi peluang menghadiri kelas bagi menimba ilmu dalam bidang tersebut.

Sehubungan itu, beliau nekad dan berazam untuk memberikan perkhidmatan serta rawatan terbaik sekaligus meletakkan kesihatan pelanggan pada tahap tertinggi dalam kerjayanya.

“Saya mendahului kesihatan pelanggan selain meletakkan harga berpatutan setiap kali merawat pelanggan dan ternyata cara itu membuahkan hasil apabila pelanggan turut mempromosikan perkhidmatan saya bukan sahaja kepada kaum keluarga bahkan juga kepada kenalan mereka.”

Hasil promosi mulut ke mulut itulah perniagaan spa saya bergerak dan bertambah maju,” katanya sambil menambah selain urutan tradisional Melayu, turut ditawarkan pakej urutan bersalin dan semasa berpantang serta urutan andaman bagi pelanggan yang mementingkan kecantikan wajah dan bentuk badan.

Dengan kemahiran dan kepakaran yang ada, beliau diberi kepercayaan oleh Tini Spa dan Perangsang Selangor untuk menjadi tenaga pengajar dan perunding bertujuan berkongsi ilmu dan membantu usahawan baharu dalam bidang berkaitan.

“Apabila saya menyertai kumpulan pertama RKRS pada 2014, saya diminta menjadi tenaga pengajar dan sehingga kini saya bukan sahaja terbabit dengan program-program di bawah seliaan Perangsang Selangor malah turut diundang menjadi tenaga pengajar dan perunding



berkaitan spa serta urutan tradisional di beberapa tempat sekitar Lembah Klang,” kata Saodah.

Pengarah Bersekutu Jabatan Perhubungan Awam, Media dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Perangsang Selangor, Mohd Fauzi Mohd Ghazali berkata RKRS ialah antara program CSR syarikat bagi memberi pendedahan dan latihan kepada rakyat Selangor untuk terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan.

“Bagi perkhidmatan spa bergerak ini, kita melatih dan melahirkan golongan wanita yang lebih produktif dalam menjana ekonomi menerusi kemahiran khususnya dalam urutan, rawatan muka dan rawatan selepas bersalin.”

“Program yang diperkenalkan sejak November 2014 itu berjaya memberi latihan kepada hampir 70 peserta dengan membabitkan peruntukan berjumlah RM185,000. Rata-rata mereka telah berjaya menjana pendapatan antara RM5,000 sehingga RM12,000 sebulan dan ini dilihat sebagai satu pencapaian terbaik buat Perangsang Selangor,” katanya. – Bernama

<http://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1474286>